

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan modul-modul pengajaran sendiri untuk kegunaan klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Modul-modul telah dihasilkan mengikut model reka bentuk pengajaran Dick and Carey. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar dan empat orang guru Bahasa Inggeris. Instrumen kajian terdiri dari: borang penilaian kesesuaian modul pengajaran sendiri; temu bual berstruktur dan ujian pencapaian (praujian dan pascaujian). Modul-modul yang dihasilkan telah diuji dalam empat langkah: penilaian kesesuaian oleh pakar; ujian satu dengan satu; ujian kumpulan kecil; kajian rintis. Data dari semua sumber sentiasa dibanding dan ditriangulasikan menggunakan kedua-dua pendekatan induktif dan deduktif. Kronologi proses penghasilan dan penilaian modul-modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris telah didokumentasikan. Penilaian kesesuaian modul oleh pakar mendapati kedua-dua modul yang dihasilkan memiliki status sangat sesuai untuk digunakan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Dalam kajian rintis, para pelajar telah diberikan ujian rujukan kriteria sebelum dan selepas penggunaan modul-modul. Keberkesanan kedua-dua modul telah dianalisis dengan ujian-t sampel berpasangan. Keputusan-keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara praujian dan pascaujian pada paras 0.05 (bagi kedua-dua modul). Ini menunjukkan bahawa penggunaan kedua-dua modul pengajaran sendiri membantu (sehingga takat yang tertentu) meningkatkan prestasi para pelajar. Hasil temubual berstruktur dan pemerhatian tanpa penyertaan membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur keselesaan, keyakinan dan keseronokan dikalangan para pelajar ketika menggunakan modul-modul yang dihasilkan. Guru-guru yang terlibat dalam penghasilan modul-modul ini berhasrat untuk menggunakan pendekatan yang sama dalam menghasilkan modul mereka sendiri.

THE DEVELOPMENT AND EVALUATION OF SELF-INSTRUCTIONAL MODULES FOR THE ENGLISH REMEDIAL CLINIC

ABSTRACT

The purpose of this study was to develop self-instructional modules for the English remedial clinic of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. The modules were developed based on the Dick and Carey (1985) instructional design model. The participants of this study included four English teachers and thirty students of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Research instruments consist of: self-instructional module evaluation form, structured interviews and achievement tests (pre and post tests). The modules were tried out in four steps: evaluations by the subject-matter experts, one-to-one testing, small group testing and pilot testing. Data from all these resources was constantly compared, contrasted and triangulated using both inductive and deductive approaches. Chronological processes of the development and evaluation of the modules have been documented. Evaluations by the subject-matter experts showed that the modules were very suitable to be used in the English remedial clinic of Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. In the pilot test, students were given criterion-reference tests before and after using the modules. The paired sample t-test revealed that there was significant difference between the pretest and the post-test at the level of 0.05 (for both modules). This showed that the students' performance had been raised significantly through the use of the self-instructional modules. Structured interviews with the students and non-participant observations indicated that there were elements of comfort, confidence and excitement among the students while using the modules. Structured interviews with the teachers revealed that they intended to produce their own self-instructional module using the same approach.